



**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
PENDIDIKAN KHAS (MASALAH PEMBELAJARAN)**

Pengurusan Kehidupan

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tahun 4



**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
PENDIDIKAN KHAS (MASALAH PEMBELAJARAN)**

Pengurusan Kehidupan

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tahun 4

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
APRIL 2018**

Terbitan 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat.....	2
Objektif.....	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah.....	3
Fokus	5
Kemahiran Abad Ke-21.....	6
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	8
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.....	9
Rancangan Pendidikan Individu.....	12
Elemen Merentas Kurikulum.....	13
Pentaksiran Bilik Darjah.....	17

Organisasi Kandungan.....	21
Pengurusan Diri	23
Kemahiran Manipulatif.....	37
Panel Penggubal.....	51
Penghargaan.....	52



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha
kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97.]

PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusnya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadan enam tunjang Kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepadan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSR, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSR. Semoga pelaksanaan KSSR akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

SHAZALI BIN AHMAD

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) digubal selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid termasuk MBK dari pelbagai kategori iaitu Ketidakupayaan Pendengaran, Ketidakupayaan Penglihatan, Masalah Pembelajaran, Ketidakupayaan Fizikal, Ketidakupayaan Pertuturan dan Ketidakupayaan Pelbagai mempunyai ruang dan peluang yang sama untuk mengikuti KSSRPK (Peraturan Pendidikan Khas 2013).

Bagi memenuhi keperluan individu, pengajaran dan pembelajaran di Sekolah dan Program Pendidikan Khas Integrasi Ketidakupayaan Pendengaran dibentuk secara fleksibel selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, 8.(1)(c) yang menyatakan bahawa seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran, masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti, susunan aktiviti dan bahan bantu mengajar. Pengubahsuaian yang dibuat hendaklah mengikut Kurikulum Pendidikan Khas.

KSSRPK (Ketidakupayaan Pendengaran) dibina supaya pembelajaran yang diperoleh di bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini juga menyediakan pendidikan berkualiti untuk MBK Ketidakupayaan Pendengaran supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berupaya menjalani kehidupan dengan lebih bermakna. Fleksibiliti dalam melaksanakan KSSRPK (Ketidakupayaan Pendengaran) memberi ruang kepada guru merangka aktiviti untuk meningkatkan kemahiran berfikir, penggunaan teknologi dan penerapan nilai dalam memastikan pembangunan MBK secara holistik.

Mata pelajaran KSSRPK (Ketidakupayaan Pendengaran) adalah sama dengan mata pelajaran KSSR aliran perdana. Namun bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (Suaian), Bahasa Inggeris (Suaian) dan Pendidikan Islam (Suaian), kurikulum mata pelajaran tersebut disuaikan mengikut keupayaan MBK Ketidakupayaan Pendengaran. MBK Ketidakupayaan Pendengaran turut mengikuti mata pelajaran Bahasa Isyarat Komunikasi (BIK) bagi membantu mereka menguasai kemahiran dalam mata pelajaran yang lain.

MATLAMAT

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pengurusan Kehidupan bermatlamat untuk membimbing dan melatih murid agar berupaya mengurus diri dan emosi, mempunyai keyakinan diri dan mengamalkan tingkah laku yang positif, meningkatkan kemahiran psikomotor bagi membantu perkembangan mental dan fizikal serta mampu hidup berdikari dan boleh bersosialisasi dengan masyarakat.

OBJEKTIF


KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pengurusan Kehidupan Tahun Empat bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Berdikari dan mampu menjalankan aktiviti sehari-an mengikut kemampuan diri sendiri.
2. Mengamal dan mengekalkan tingkah laku baik yang sedia ada dan yang baru.
3. Mengurus dan mengawal emosi untuk memahami diri dan orang lain.
4. Meningkatkan kemahiran sensori, motor kasar dan motor halus
5. Menggunakan pengetahuan dan kemahiran manipulatif dalam pengurusan kehidupan sehari-an secara berkesan.
6. Mengamalkan kebersihan dan kesihatan yang baik untuk diri serta persekitaran.
7. Bersikap positif terhadap pengajaran dan pembelajaran.
8. Mengaplikasi pengetahuan di dalam bilik darjah ke dalam kehidupan sebenar.
9. Meningkatkan kemahiran bersosialisasi dengan keluarga, rakan dan masyarakat dan
10. Menjaga keselamatan dan kesihatan diri, keluarga, rakan dan masyarakat.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

KSSR dibina berdasarkan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian: Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, pengetahuan, berketerampilan, berfikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pengurusan Kehidupan digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSR.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah

FOKUS

Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pengurusan Kehidupan Tahun Empat berfokus kepada dua komponen iaitu Pengurusan Diri dan Kemahiran Manipulatif.

Pengurusan Diri

Komponen Pengurusan Diri memberi penekanan kepada pengetahuan dan kemahiran dalam lima aspek iaitu kemahiran kendiri, keselamatan, kesihatan diri dan reproduktif, pengurusan emosi dan sosial, adab dan tatasusila serta penyalahgunaan alatan dan bahan berbahaya.

1. Kemahiran Kendiri

Membolehkan murid bertanggungjawab terhadap diri sendiri, ahli keluarga, warga sekolah, jiran tetangga dan masyarakat dan disamping itu juga dapat mengetahui panggilan diri sendiri dan orang sekeliling mereka, mempelajari adab makan dan minum dengan tertib serta cara memakai pakaian yang betul dan kemas mengikut situasi.

2. Keselamatan, Kesihatan Diri Dan Reproduktif

Memberi penekanan kepada amalan kesihatan diri dan reproduktif, keselamata diri ketika berada di rumah, di dalam dan luar bilik darjah serta di tempat awam.

3. Pengurusan Emosi Dan Sosial

Membimbing murid mengurus konflik dan stres dalam diri, keluarga, rakan sebaya dan masyarakat serta mengamalkan perlakuan dan emosi diri yang positif.

4. Adab dan Tatasusila

Membimbing murid mengamalkan adab dan tatasusila yang baik ketika berada dengan ahli keluarga, warga sekolah, jiran tetangga dan masyarakat.

5. Penyalahgunaan Alatan Dan Bahan Berbahaya

Memahami cara pengambilan ubat-ubatan dan penggunaan alat sokongan dengan betul, kesan buruk yang akan dihadapi sekiranya terlibat dengan pengambilan bahan berbahaya seperti rokok, dadah, inhalan dan alkohol.

Kemahiran Manipulatif

Komponen Kemahiran Manipulatif memberi penekanan kepada pengetahuan dan kemahiran dalam tiga tajuk utama iaitu sensori, motor halus dan motor kasar.

1. Sensori

Kemahiran ini memberi fokus tentang pengamatan pendengaran, pengamatan penglihatan, deria sentuh, deria bau dan deria rasa bagi membolehkan murid mengawal dan meningkatkan keupayaan sensori mereka.

2. Motor Halus

Kemahiran ini memberi penekanan kepada pergerakan motor halus yang melibatkan kemahiran bilateral, manipulasi alatan dan bahan serta kemahiran visual-motor menggunakan alatan dan bahan bagi membolehkan murid meningkatkan keupayaan psikomotor.

3. Motor Kasar

Kemahiran motor kasar lebih berfokus kepada pergerakan postur dan lokomotor, imbangan badan dan permainan luar. Kemahiran ini diajar bertujuan untuk membolehkan murid meningkatkan keupayaan murid melakukan pergerakan ke arah kemahiran.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21

bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 agar berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan SK dan SP dalam kurikulum Kemahiran Asas Individu Ketidakupayaan Penglihatan menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkommunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis,

PROFIL MURID	PENERANGAN
	menggunakan pelbagai media dan teknologi.
Pemikir	Mereka berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baharu. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati

PROFIL MURID	PENERANGAN
	pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/ undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

KBAT dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea, produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul serta strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta

pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dirancang perlu memberi penekanan kepada PdP berpusatkan murid. Murid dilibatkan secara aktif dalam PdP yang menyepadukan pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan penerapan sikap dan nilai murni. Dalam melaksanakan PdP, guru perlu menyusun atur kemahiran yang hendak diajar, memberi latihan yang konsisten dan menilai tahap pencapaian murid melalui proses analisis tugas dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- Mengenal pasti tahap keupayaan murid.
- Merancang aktiviti PdP yang sesuai mengikut tahap keupayaan murid.
- Menghuraikan secara ringkas aktiviti yang dipilih.
- Menyediakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan Bahan Bantu Belajar (BBB) yang sesuai dengan tahap keupayaan murid.
- Mencerakinkan aktiviti kepada langkah-langkah yang lebih kecil.

- Membuat pemerhatian dan penilaian terhadap pencapaian murid.

- Membuat penambahbaikan yang sesuai

Bagi meningkatkan minat dan keseronokan belajar, guru boleh mempelbagaikan pendekatan pengajaran seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, konstruktivisme, pembelajaran kontekstual, pembelajaran masteri, analisis tugas, belajar melalui bermain, pengajaran bertema, pembelajaran pengalaman, pendekatan kolaborasi dan multi sensori.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan yang mementingkan pembelajaran melalui pengalaman. Inkuiri secara am bermaksud mencari maklumat, menyoal dan menyiasat tentang sesuatu fenomena yang berlaku. Pembelajaran secara inkuiri berlaku apabila konsep dan prinsip utama dikaji dan ditemui oleh murid sendiri.

Dalam strategi PdP inkuiri, murid menyoal dan mengemukakan pendapat berlandaskan hasil penerokaan. Guru boleh bertindak sebagai fasilitator dengan mengemukakan soalan bagi memandu murid ke arah inkuiri. Perbincangan boleh dijalankan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti.

Konstruktivisme

Konstruktivisme membolehkan murid belajar sesuatu dengan cara membina sendiri pemahaman yang bermakna kepada diri mereka. Antara unsur penting dalam konstruktivisme adalah:

- Guru mengambil kira pengetahuan sedia ada murid.
- Pembelajaran adalah hasil usaha murid sendiri.
- Pembelajaran berlaku apabila murid menghubungkan idea asal dengan idea baharu bagi menstruktur semula idea mereka.
- Murid berpeluang bekerjasama, berkongsi idea dan pengalaman serta membuat refleksi.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran Kontekstual adalah pembelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan harian murid. Dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran kontekstual, perkaitan antara ilmu yang diajar dengan kehidupan harian dieksplisitkan. Murid tidak hanya belajar secara teori semata-mata, bahkan dapat menghayati kerelevanannya yang dipelajari dengan kehidupan harian.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) merupakan proses PdP yang berdasarkan inkuiri. Strategi ini memerlukan murid untuk

memberi tumpuan kepada persoalan atau masalah yang kompleks, menyelesaikan masalah tersebut melalui proses penyiasatan secara bekerjasama dalam suatu tempoh waktu. Projek yang dijalankan adalah untuk menyiasat topik atau isu yang dihadapi murid dalam persekitaran sebenar. Semasa menjalankan proses penyiasatan ini, murid dapat mempelajari kandungan, maklumat dan fakta-fakta yang diperlukan untuk membuat kesimpulan tentang persoalan atau masalah yang ditimbulkan. Melalui PBP murid dapat mempelajari kemahiran yang dihasratkan dan mengasah kemahiran berfikir mereka sendiri.

Belajar Melalui Bermain

Pendekatan Belajar Melalui Bermain (BMB) ditekankan dalam proses PdP bagi murid khususnya MBK kerana pendekatan ini berupaya menarik minat dan menimbulkan keseronokan ketika belajar. BMB menggalakan MBK melakukan penerokaan, penemuan dan pembinaan kefahaman berdasarkan pengalaman, dengan rasa gembira dan seronok. Pendekatan ini boleh meningkatkan keupayaan kognitif dan meningkatkan rasa ingin tahu, penguasaan kemahiran berfikir dan psikomotor, serta kemahiran mengendalikan emosi.

Ciri-ciri Belajar Melalui Bermain (BMB) adalah seperti berikut:

- Aktiviti yang menyeronokkan.
- Penerokaan dan interaksi dengan persekitaran.
- Permainan bebas dan terancang.
- Keanjalan masa.
- Percubaan idea sendiri.
- Peluang untuk memberikan tumpuan dan perhatian.

Pendekatan Bertema

Pendekatan Bertema (PB) digunakan dalam proses PdP murid. Pemilihan topik atau tema mestilah bersesuaian dengan persekitaran murid. Pendekatan PB melibatkan:

- Penggunaan suatu tajuk umum merentasi bidang pembelajaran.
- Pemilihan tajuk tema berdasarkan kesesuaian tahap murid, situasi tertentu atau peristiwa semasa.
- Saling berkaitan dengan pengalaman sedia ada dan pengalaman baru yang diperoleh secara tersusun dan sistematik.
- Peluasan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran
- Pemeringkatan daripada yang mudah kepada yang sukar dan umum kepada yang lebih khusus.

Pemilihan tema perlu mengambil kira:

- Peluang untuk mengaplikasi kemahiran kepada murid-murid seperti kemahiran asas mendengar, membaca, menulis, mengira, penggunaan komputer dan lain-lain.
- Kemahiran yang diperoleh daripada tema yang diajar dapat membantu murid mendapat kemahiran penyelesaian masalah.
- Sumber yang mudah didapati.
- Mengikut musim atau peristiwa untuk memberi kesedaran dan pengukuhan serta meningkatkan pengetahuan murid.

Pembelajaran Pengalaman

Pendekatan Pembelajaran Pengalaman merupakan satu kaedah di mana MBK diberi peluang melalui situasi sebenar semasa aktiviti PdP dijalankan. Pendekatan ini membantu murid meningkatkan keupayaan kendiri mereka. Dalam melaksanakan pendekatan ini, guru berperanan:

- Menentukan suasana yang positif untuk proses pembelajaran.
- Menjelaskan peranan murid dalam tugas.
- Menyediakan sumber untuk proses pembelajaran.
- Melakukan simulasi untuk proses pembelajaran.
- Memberi fokus yang sama bagi komponen intelek dan emosi dalam pembelajaran.

- Menyediakan satu persekitaran bagi membolehkan guru dan murid berkongsi perasaan dan pemikiran secara bebas.
- Menempatkan murid dalam situasi atau suasana yang memerlukan kemahiran baru atau sokongan dan peneguhan dengan pengalaman lalu.
- Memberi bantuan, bimbingan dan peneguhan dengan mengaitkan pembelajaran yang baharu dalam kehidupan sebenar murid seperti sekolah, keluarga dan komuniti.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pendekatan ini bertujuan menyediakan ruang dan peluang untuk murid:

1. Memperoleh pengalaman sebenar.
2. Meningkatkan kecerdasan dan perkembangan fizikal.
3. Bersosialisasi dan berkomunikasi.
4. Melaksanakan aktiviti yang menggembirakan.
5. Meneroka dan berinteraksi dengan persekitaran.
6. Melakukan aktiviti bebas dan aktiviti terancang.

Antara aktiviti di luar bilik darjah termasuk lawatan, perkhemahan/kursus motivasi, perkelahan, aktiviti berkuda, berenang dan aktiviti menjual beli.

RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU

Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 telah menjelaskan bahawa Rancangan Pendidikan Individu (RPI) adalah rekod yang melaporkan butiran rancangan pendidikan berdasarkan kepada potensi individu MBK. Guru perlu mengenal pasti keupayaan dan kelemahan murid melalui ujian diagnostik secara pemerhatian, lisan dan penulisan. Matlamat RPI adalah untuk meminimumkan halangan belajar dan memaksimakan potensi diri bagi meningkatkan kesediaan MBK untuk belajar.

Kerjasama dan kolaboratif antara ibu bapa, kumpulan pakar, agensi kerajaan, pusat latihan kemahiran dan agensi bukan kerajaan (NGO) amat penting dalam menentukan aktiviti intervensi, rehabilitasi dan program transisi yang sesuai dengan ketidakupayaan murid. Aktiviti intervensi dan rehabilitasi seperti latihan pertuturan, kawalan emosi dan tingkah laku boleh membantu murid meningkatkan tumpuan, minat dan perhatian kepada PdP di dalam bilik darjah. Program transisi pula dapat membantu MBK mengadaptasi dan menyesuaikan diri dengan keluarga, persekitaran, komuniti, tempat latihan dan tempat kerja untuk advokasi diri dan sokongan psikologi. Justeru, gabungan aktiviti intervensi, rehabilitasi dan program transisi akan dapat membantu guru membina RPI dengan lebih berkesan

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam SK dan SP. Elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains Dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);

- (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti Dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang

yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

11. Kemahiran Transisi

Pelaksanaan KSSR Pendidikan Khas perlu menyepadukan modul transisi bagi meningkatkan kesediaan MBK untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalam perkembangan fizikal, corak kehidupan harian, membina hubungan dengan ahli keluarga, rakan sebaya, guru dan komuniti baru apabila mereka mengalami peralihan. Sepanjang sesi persekolahan, MBK akan mengalami peralihan atau transisi dari peringkat prasekolah ke sekolah rendah dan seterusnya ke sekolah menengah termasuk peralihan apabila mereka naik darjah dan tingkatan.

Proses transisi di sepanjang persekolahan memerlukan MBK melalui perubahan lokasi (sekolah & kelas), mendapat rakan dan guru baru serta perubahan kurikulum dan perubahan pemikiran dan fizikal. Perubahan ini memberi

tekanan kepada MBK untuk menyesuaikan diri mereka agar mereka lebih bersedia untuk belajar di dalam bilik darjah.

Kandungan modul transisi pada peringkat sekolah rendah ini mengandungi 4 komponen iaitu:

1. Kemahiran Adaptasi Persekutaran.

Guru membantu MBK untuk memahami dan mematuhi perkara seperti berikut:

- (i) Peraturan dalam bilik darjah dan sekolah
- (ii) Jadual
- (iii) Rutin Harian
- (iv) Keperluan mengikut giliran
- (v) Keperluan mengikut dan mematuhi arahan

2. Kemahiran Ketrampilan Sosial

Guru membantu MBK untuk memahami dan menguasai kemahiran berikut:

- (i) Memenuhi tanggungjawab sebagai anak, murid dan rakan sebaya.
- (ii) Menanam tingkah laku sosial yang positif di mana MBK boleh membezakan batasan hubungan dalam masyarakat.

(iii) Mengawal emosi dan tingkah laku khususnya apabila mereka menghadapi perasaan takut, sedih, gelisah dan sebagainya.

3. Kemahiran Pra-akademik

Guru membantu MBK dengan kemahiran membaca dan kemahiran asas literasi dengan memahami objektif pembelajaran dalam arahan yang dipecahkan kepada langkah yang lebih kecil (small steps).

4. Kemahiran Membina Hubungan dan Komunikasi

Guru membantu MBK melalui proses transisi dengan sokongan ahli keluarga melalui proses berikut:

- (i) Memahami latar belakang dan keperluan individu MBK dari segi minat, aktiviti kegemaran, sifat individu mereka dan amalan di rumah.
- (ii) Mendapatkan sokongan ibu bapa dan ahli keluarga serta staf sekolah dalam memahami rutin MBK di sekolah dan di rumah.
- (iii) Penyediaan akomodasi dan penyesuaian dalam aspek persekitaran, jadual waktu dan aktiviti rutin harian.

- (iv) Berkommunikasi dengan ahli keluarga dan warga sekolah.

Faktor hubungan dan interaksi di antara MBK, ahli keluarga dan guru akan mempengaruhi bagaimana MBK belajar dan tahap pencapaian MBK (sosial dan akademik) dalam melalui proses transisi. Menurut pelbagai kajian peringkat antarabangsa, ciri amalan transisi yang berkesan adalah aktiviti yang dapat membantu MBK membina karektor / sifat berikut:

- i) MBK merasakan mereka sesuai dan suka berada di sekolah (*sense of belonging*).
- ii) MBK memahami dan menghargai budaya di sekolah.
- iii) MBK menghormati dan bergaul dengan rakan, guru dan staf sekolah.
- iv) MBK melibatkan diri secara aktif dalam kelas (*engagement in learning*).
- v) MBK mengetahui identiti dan peranan mereka sebagai murid.
- vi) Ekpektasi positif dari guru.
- vii) MBK secara berterusan membina sifat yang positif di sekolah dan rumah.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran bilik darjah (PdD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid.

PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Guru perlulah merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.
- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.

- Membolehkan murid memamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.
- Mengambil tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan.

PBD juga perlu mengambil kira kemajuan MBK berdasarkan pelaksanaan intervensi yang dirancang menggunakan RPI. RPI merupakan dokumen yang menjelaskan tahap 5 domain perkembangan murid: kognitif, komunikasi, sosio-emosi, tingkah laku, motor kasar dan motor halus. Peningkatan kesediaan MBK untuk belajar boleh dikenal pasti dan direkodkan dalam RPI yang mana akan membantu guru menentukan strategi dan kaedah PdP bersesuaian dengan potensi individu murid.

TAHAP PENGUASAAN UMUM

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam

kurikulum. Jadual 3 menunjukkan pernyataan tahap penguasaan umum.

Guru boleh mencatat perkembangan murid di dalam buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Perekodan tahap penguasaan dibuat ke dalam templat pelaporan yang disediakan setelah PdP bagi setiap bidang, tema, kemahiran atau kelompok Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran selesai dilaksanakan.

Jadual 3: Pernyataan Tahap Penguasaan Umum

Tahap	Tafsiran
1 (Tahu)	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas
2 (Tahu dan faham)	Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi
3 (Tahu, faham dan boleh buat)	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi
4 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara analistik dan sistematik

5 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab terpuji)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara sistematis serta tekal dan bersikap positif
6 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab mithali)	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematis, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi

TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN

Tahap Penguasaan Keseluruhan bagi setiap mata pelajaran perlu ditentukan pada setiap akhir tahun. Tahap Penguasaan Keseluruhan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama murid, serta perbincangan bersama rakan sejawat.

Standard Prestasi KSSR Pendidikan Khas Pengurusan Kehidupan

Standard Prestasi Pengurusan Kehidupan digunakan untuk melihat kemajuan dan perkembangan murid dalam pembelajaran, serta prestasi seseorang murid. Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan. Pentaksiran sedemikian tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain. Perkembangan murid dilaporkan dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran. Murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain.

Pihak sekolah berupaya mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif. Maklumat yang diperolehi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, serta mengiktiraf murid sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa.

Pentaksiran bagi setiap kelompok Standard Kandungan boleh dijalankan dengan menggunakan Standard Prestasi sebagai skala rujukan guru bagi menentukan tahap penguasaan MBK bagi Standard Kandungan yang ditetapkan.

Standard Prestasi menunjukkan enam Tahap Penguasaan (TP) yang merujuk kepada aras penguasaan yang disusun secara hieraki, dan diguna bagi tujuan pelaporan. Guru boleh membuat pertimbangan profesional untuk menentukan tahap penguasaan murid berdasarkan pengalaman bersama murid dan perbincangan profesional dengan rakan sejawat. Pentaksiran yang dibuat seharusnya mengintegrasikan kandungan, kemahiran dan nilai untuk melihat sejauh mana murid menguasai Standard Kandungan tertentu secara holistik. Jadual 3 menyenaraikan maksud dan tafsiran umum tentang setiap tahap penguasaan bagi mata pelajaran Pengurusan Kehidupan.

Jadual 4: Penyataan Tahap Penguasaan Umum KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pengurusan Kehidupan.

Tahap	Tafsiran
1	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas Pengurusan Kehidupan dengan bimbingan
2	Murid menunjukkan kefahaman Pengurusan Kehidupan dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi
3	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran Pengurusan Kehidupan pada suatu situasi dengan bimbingan atau tanpa bimbingan
4	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran Pengurusan Kehidupan dengan berada dan mengikut prosedur
5	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran dalam Pengurusan Kehidupan dengan mengikut prosedur atau secara sistematis serta tekal dan bersikap positif

6	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada Pengurusan Kehidupan untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi
---	---

Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai. Jadual 5 di bawah memberikan tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Jadual 4: Organisasi DSKP

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

ORGANISASI KANDUNGAN

Pelaksanaan bagi kurikulum KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pengurusan Kehidupan Tahap 2 adalah mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas yang berkuatkuasa sekarang. Mata pelajaran ini terdiri dari dua komponen iaitu Pengurusan Diri dan Kemahiran Manipulatif;

Komponen Pengurusan Diri

1. Kemahiran kendiri
2. Keselamatan, Kesihatan Diri dan Reproduktif
3. Pengurusan emosi dan sosial
4. Adab dan tatasusila
5. Penyalahgunaan alatan dan bahan berbahaya

Komponen Kemahiran Manipulatif

1. Sensori
2. Motor halus
3. Motor kasar

PERUNTUKAN MASA

Waktu minimum pelaksanaan KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) bagi mata pelajaran Pengurusan Kehidupan adalah 96 jam setahun.

PENGURUSAN DIRI

1.0 KEMAHIRAN KENDIRI

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.1 Tanggungjawab diri terhadap ahli keluarga asas	<p>Murid boleh:</p> <p>1.1.1 Menyatakan tanggungjawab diri terhadap ahli keluarga asas.</p> <p>1.1.2 Memerihalkan tentang diri ahli keluarga asas.</p> <p>1.1.3 Menunjukkan rasa penghargaan terhadap ahli keluarga asas.</p>	1	Menyatakan tanggungjawab diri terhadap keluarga asas dengan bimbingan.
		2	Mengenal pasti tanggungjawab diri terhadap keluarga asas.
		3	Menjelaskan perihal diri ahli keluarga asas.
		4	Menjelaskan dengan contoh cara menghargai ahli keluarga asas.
		5	Mempraktikkan sikap tanggungjawab dan menghargai diri serta ahli keluarga asas dengan betul.
		6	Mempraktikkan sikap tanggungjawab terhadap diri dan ahli keluarga asas dengan betul serta boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.2 Kenali dan hormati keluarga kembangan	<p>Murid boleh:</p> <p>1.2.1 Mengenal pasti hierarki dalam keluarga kembangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) datuk dan nenek ii) bapa saudara dan ibu saudara iii) sepupu <p>1.2.2. Menggunakan panggilan hormat mengikut pangkat dalam ahli keluarga kembangan.</p> <p>1.2.3 Melibatkan diri dalam aktiviti yang merapatkan hubungan kekeluargaan melalui aktiviti simulasi atau main peranan.</p>	1	Menyatakan ahli keluarga kembangan mengikut hierarki dengan bimbingan.
		2	Menyenaraikan ahli keluarga kembangan mengikut hierarki.
		3	Menyenaraikan panggilan hormat yang digunakan dalam ahli keluarga kembangan masing-masing semasa berkomunikasi.
		4	Menjelaskan dengan contoh aktiviti yang boleh dilakukan bersama-sama ahli keluarga kembangan bagi merapatkan hubungan kekeluargaan.
		5	Mempraktikkan panggilan hormat bagi setiap ahli keluarga kembangan dalam aktiviti simulasi atau main peranan.
		6	Mempraktikkan panggilan hormat bagi setiap ahli keluarga kembangan dalam aktiviti simulasi atau main peranan dengan betul dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.3 Kenali jenis pakaian.	<p>Murid boleh:</p> <p>1.4.1 Mengenal jenis pakaian:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) unit beruniform sekolah ii) harian iii) formal mengikut situasi <p>1.4.2 Menunjuk cara memakai pakaian yang sesuai mengikut situasi dan tempat:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) ibadat ii) rekreasi iii) majlis keraian iv) perayaan <p>1.4.3 Mempraktikkan cara memakai pakaian yang sesuai mengikut situasi dan tempat dalam kehidupan seharian</p>	1	Menyebut jenis-jenis pakaian dengan bimbingan.
		2	Menamakan pakaian mengikut unit beruniform yang ada disekolah, pakaian harian dan formal mengikut situasi.
		3	Menunjuk cara memakai pakaian yang lengkap dan sesuai mengikut situasi atau majlis dengan bimbingan
		4	Menunjuk cara memakai pakaian yang lengkap dan sesuai mengikut situasi atau majlis dengan betul.
		5	Mempraktikkan cara memakaian pakaian yang lengkap mengikut situasi atau majlis dengan betul dan kemas.
		6	Mempraktikkan cara memakaian pakaian yang lengkap mengikut situasi atau majlis dengan betul dan kemas setiap hari dan boleh dicontohi.

2.0 KEBERSIHAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN DIRI DAN REPRODUKTIF

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.1 Kebersihan anggota seksual	<p>Murid boleh:</p> <p>2.1.1 Menyatakan kepentingan menjaga kebersihan anggota seksual.</p> <p>2.1.2 Menunjuk cara menjaga kebersihan anggota seksual.</p> <p>2.1.3 Mempraktikkan cara menjaga kebersihan anggota seksual dalam kehidupan harian.</p> <p>2.1.4 Menaakul kepentingan menjaga kebersihan anggota seksual.</p>	1	Menyatakan bahagian anggota seksual dengan bimbingan.
		2	Menjelaskan kepentingan menjaga kebersihan anggota seksual.
		3	Menunjukkan cara menjaga kebersihan setiap bahagian anggota seksual dengan bimbingan
		4	Menunjuk cara menjaga kebersihan setiap bahagian anggota seksual.
		5	Mempraktikkan cara membersihkan anggota seksual dengan betul dalam kehidupan harian.
		6	Mempraktikkan cara membersihkan anggota seksual dengan betul dan selamat dalam kehidupan harian.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.2 Kesedaran dan tanggungjawab menjaga tubuh badan	<p>Murid boleh:</p> <p>2.2.1 Mengenal makanan seimbang.</p> <p>2.2.2 Memberi contoh makanan seimbang.</p> <p>2.2.3 Mempraktikkan cara pengambilan makanan yang seimbang untuk menjaga kesihatan diri.</p> <p>2.2.4 Mengenal pasti dan melakukan aktiviti fizikal yang bersesuaian untuk menjaga kesihatan diri.</p> <p>2.2.5 Menaakul kepentingan mengambil makanan seimbang dan melakukan aktiviti fizikal dalam kehidupan seharian.</p>	1	Memberi contoh makanan seimbang dengan bimbingan.
		2	Membezakan makanan berkhasiat dan tidak berkhasiat
		3	Memilih makanan seimbang semasa makan
		4	Melakukan aktiviti fizikal yang bersesuaian bagi menjaga kesihatan diri
		5	Mengambil makanan seimbang dan melakukan aktiviti fizikal yang bersesuaian dengan betul.
		6	Memberi sebab keperluan mengambil makanan seimbang dan melakukan aktiviti fizikal yang bersesuaian dengan betul dalam kehidupan seharian.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.3 Batasan pergaulan	<p>Murid boleh:</p> <p>2.3.1 Menyatakan batasan pergaulan, sentuhan selamat, sentuhan tidak selamat dan sentuhan tidak selesa.</p> <p>2.3.2 Membezakan antara sentuhan selamat dengan sentuhan tidak selamat dan sentuhan tidak selesa.</p> <p>2.3.3 Memberi tindak balas melalui fizikal atau suara jika berlaku sentuhan tidak selamat.</p> <p>2.3.4 Menaakul kepentingan menjaga batasan pergaulan dan memberi tindak balas melalui fizikal atau suara apabila berlaku sentuhan tidak selamat.</p>	1	Menyatakan batasan pergaulan dalam kehidupan seharian dengan bimbingan.
		2	Memberi contoh sentuhan selamat, sentuhan tidak selamat dan sentuhan tidak selesa.
		3	Membezakan sentuhan selamat dan sentuhan tidak selamat.
		4	Menceritakan tindak balas yang perlu diambil apabila berlaku sentuhan tidak selamat dan sentuhan tidak selesa.
		5	Menunjuk cara tindak balas fizikal atau suara yang perlu diambil jika berlaku sentuhan tidak selamat.
		6	Merumuskan tentang batasan pergaulan dalam kehidupan dan tindak balas yang perlu diambil apabila berlaku sentuhan tidak selamat dan sentuhan tidak selesa.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.4 Keselamatan dalam penggunaan alatan dan bahan di bilik darjah	<p>Murid boleh:</p> <p>5.1.1 Mengenal pasti penggunaan alatan dan bahan di bilik darjah.</p> <p>5.1.2 Menerangkan peraturan penggunaan alatan dan bahan di bilik darjah</p> <p>5.1.3 Mempraktikkan langkah – langkah keselamatan semasa menggunakan alatan dan bahan di bilik darjah</p> <p>.</p>	1	Menyatakan penggunaan alatan dan bahan yang dengan bimbingan.
		2	Memberi contoh peraturan penggunaan alatan dan bahan di bilik darjah.
		3	Menunjukkan cara menjaga keselamatan semasa menggunakan alatan dan bahan dengan bimbingan.
		4	Menunjukkan cara menjaga keselamatan semasa menggunakan alatan dan bahan dengan betul.
		5	Menunjukkan cara menjaga keselamatan semasa menggunakan alatan dan bahan dengan betul dan selamat.
		6	Menunjukkan cara menjaga keselamatan semasa menggunakan alatan dan bahan dengan betul, selamat dan boleh dicontohi.

3.0 PENGURUSAN EMOSI DAN SOSIAL

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3. 1 Pengurusan emosi dalam kehidupan seharian	<p>Murid boleh:</p> <p>3.1.1 Menyatakan perasaan gembira, sedih dan marah.</p> <p>3.1.2 Menghubungkait perasaan gembira, sedih dan marah dengan sesuatu situasi.</p> <p>3.1.3 Mengaplikasi cara mengurus perasaan dan bertindakbalas kepada sesuatu situasi.</p> <p>3.1.4 Menilai kesan kepada diri dan orang sekeliling sekiranya tidak mengurus perasaan gembira, sedih dan marah dengan baik.</p>	1	Menyatakan perasaan gembira, sedih dan marah dengan bimbingan.
		2	Mengenal pasti perasaan yang akan dirasai berdasarkan situasi.
		3	Menjelaskan dengan contoh cara mengurus perasaan dan bertindak balas berdasarkan situasi.
		4	Bercerita tentang kesan sekiranya tidak dapat mengawal perasaan dan tindak balas kepada sesuatu situasi.
		5	Menaakul tentang cara mengurus perasaan dalam kehidupan seharian.
		6	Mengamalkan cara mengurus perasaan dalam sesuatu situasi dengan betul dan boleh dicontohi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3.2 Sikap berdikari	<p>Murid boleh:</p> <p>3.2.1 Menyatakan sikap berdikari dari aspek mengurus diri sendiri.</p> <p>3.2.2 Memerihalkan kebaikan sikap berdikari.</p> <p>3.2.3 Mengaplikasikan sikap berdikari.</p> <p>3.2.4 Menilai kesan kepada diri sendiri dan orang lain sekiranya tidak dapat mengamalkan sikap berdikari.</p>	1	Menyatakan cara mengurus diri sendiri dan dengan bimbingan.
		2	Mengenal pasti langkah-langkah mengurus diri sendiri.
		3	Menjelaskan dengan contoh kebaikan sikap berdikari.
		4	Bercerita tentang kesan sekiranya tidak dapat mengamalkan sikap berdikari kepada diri sendiri dan orang lain.
		5	Mempraktikkan sikap berdikari dalam kehidupan seharian.
		6	Mempraktikkan sikap berdikari dalam kehidupan seharian dan diboleh dicontohi.

4.0 ADAB DAN TATASUSILA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
4.1 Adab dan tatususila ketika berinteraksi	<p>Murid boleh:</p> <p>4.1.1 Mengenal pasti adab dan tatususila ketika berinteraksi :</p> <ul style="list-style-type: none"> i) dengan ahli keluarga dan orang lain ii) apabila menerima dan memberi arahan iii) semasa meminjam dan memulangkan barang <p>4.1.2 Mengaplikasikan adab dan tatususila ketika berinteraksi berdasarkan situasi.</p> <p>4.1.3 Menaakul kepentingan menjaga adab dan tatususila ketika berinteraksi.</p>	1	Menyebut atau memberi isyarat ucapan bertatususila dengan bimbingan.
		2	Menyenaraikan adab dan tatususila yang sopan ketika berinteraksi berdasarkan situasi.
		3	Mempraktikkan adab dan tatususila ketika berinteraksi berdasarkan situasi dengan bimbingan.
		4	Mempraktikkan adab dan tatususila ketika berinteraksi mengikut situasi.
		5	Mempraktikkan adab dan tatususila ketika berinteraksi dalam situasi baharu dengan betul.
		6	Mempraktikkan adab dan tatususila ketika berinteraksi dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
4.2 Adab berterima kasih dan bersyukur	<p>Murid boleh:</p> <p>4.2.1 Melafazkan ucapan bertatasusila apabila menerima penghargaan dan ganjaran.</p> <p>4.2.2 Menunjukkan rasa berterima kasih dan bersyukur melalui perlakuan.</p> <p>4.2.3 Mengaplikasi sikap berterima kasih dan bersyukur dalam kehidupan seharian.</p>	1	Menyebut atau memberi isyarat ucapan terima kasih dan bersyukur dengan bimbingan.
		2	Menyenaraikan ucapan bertatasusila mengikut situasi.
		3	Menjelaskan dengan contoh ucapan bertatasusila apabila menerima penghargaan dan ganjaran.
		4	Menunjukkan cara melahirkan rasa berterima kasih dan bersyukur melalui perlakuan.
		5	Menunjukkan cara melahirkan rasa berterima kasih dan bersyukur melalui perlakuan dengan betul.
		6	Menunjukkan cara melahirkan rasa berterima kasih dan bersyukur melalui perlakuan dalam kehidupan seharian dengan betul dan boleh dicontohi.

KEMAHIRAN MANIPULATIF

1.0 SENSORI

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.1 Pengamatan penglihatan	<p>Murid boleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1.1.1 Mengenal semula objek atau gambar yang telah dilihat. 1.1.2 Mengingati dan menamakan objek atau gambar yang telah dilihat. 1.1.3 Menyusun blok binaan berdasarkan objek atau gambar. 	1	Mengenal objek atau gambar yang dilihat dengan bimbingan.
		2	Mengingat dan menunjuk semula objek atau gambar yang dilihat.
		3	Mengingat dan menamakan objek atau gambar yang telah dilihat secara rawak.
		4	Meniru susunan blok binaan mengikut objek atau gambar yang dilihat mengikut turutan kesesuaian warna dan bentuk.
		5	Menyusun blok binaan mengikut objek atau gambar yang dilihat dengan betul dan sistematik.
		6	Mencipta susunan blok binaan mengikut objek atau gambar secara kreatif dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.2 Pengamatan pendengaran	<p>Murid boleh:</p> <p>1.2.1 Mendengar dan menyanyi bersama-sama lagu yang didengari.</p> <p>1.2.2 Menyanyikan semula lagu yang didengari dengan lengkap.</p> <p>1.2.3 Menganalisis kisah dalam lagu yang didengari.</p>	1	Mendengar dan mengecam lagu didengari dengan bimbingan.
		2	Meniru melodi lagu yang didengari dengan bimbingan.
		3	Menyanyikan semula lagu yang didengari dengan lengkap.
		4	Menyanyikan semula lagu yang didengari dengan melodi yang betul.
		5	Menyanyikan semula lagu yang didengari dengan lengkap dan menceritakan kisah dalam lagu yang didengari.
		6	Menyanyikan semula lagu yang didengari dengan lengkap dan menceritakan kisah dalam lagu dengan betul serta boleh membantu rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.3 Deria sentuhan	<p>Murid boleh:</p> <p>1.3.1 Mengenalpasti bahan mengikut tekstur</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Halus ii) Kasar iii) Lembut iv) keras <p>1.3.2 Mengelaskan bahan mengikut tekstur berdasarkan contoh.</p> <p>1.3.3 Menaakul kepentingan tekstur dengan objek yang terdapat di sekeliling.</p>	1	Mengenal pasti tesktur bahan yang disentuh dengan bimbingan.
		2	Membezakan tesktur bahan yang disentuh.
		3	Mengelaskan bahan di persekitaran mengikut tekstur dengan bimbingan.
		4	Mengelaskan bahan di persekitaran mengikut tekstur dengan betul.
		5	Menghubungkaitkan fungsi tekstur pada sesuatu objek di persekitaran dengan betul dan tekal.
		6	Menaakul kepentingan pelbagai tekstur di sekeliling dengan betul, tekal dan sistematik serta boleh membantu rakan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.4 Deria bau	<p>Murid boleh:</p> <p>1.4.1 Mengenal pasti bau daripada persekitaran</p> <p>1.4.2 Mengelaskan bau yang menyenangkan dan tidak menyenangkan.</p> <p>1.4.3 Menaakul kepentingan bau kepada manusia.</p>	1	Mengenal pasti bau daripada sumber atau bahan dengan bimbingan.
		2	Mengenal pasti bau pada sumber atau bahan.
		3	Mengelaskan bau yang menyenangkan dan tidak menyenangkan dengan bimbingan.
		4	Mengelaskan bau yang menyenangkan dan tidak menyenangkan dengan betul.
		5	Menghubungkaitkan bau berdasarkan tempat, persekitaran dan kejadian.
		6	Menaakul kepentingan bau berdasarkan situasi atau kejadian yang pernah dialami.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.5 Deria rasa	Murid boleh: 1.5.1 Mengenal pasti jenis-jenis rasa berdasarkan contoh. 1.5.2 Mengelaskan makanan dan minuman mengikut deria rasa i) manis ii) masam iii) pahit iv) masin 1.5.3 Mengenal pasti gabungan rasa dalam makanan dan minuman.	1	Mengenal pasti rasa pada makanan dan minuman dengan bimbingan.
		2	Mengkelaskan rasa pada makanan dan minuman.
		3	Menyenaraikan sekurang-kurangnya dua gabungan rasa pada makanan dan minuman.
		4	Menyenaraikan dua gabungan rasa pada makanan dan minuman dengan betul.
		5	Menyenaraikan dua atau lebih gabungan rasa pada makanan dan minuman dengan betul.
		6	Mencipta makanan atau minuman daripada gabungan beberapa rasa.

2.0 MOTOR KASAR

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.1 Postur dan lokomotor	Murid boleh:	1	Mengenal pasti posisi duduk, pergerakan mendayung, tekan tubi dan menyulur ke hadapan dengan bimbingan.
	2.1.1 Melonjakkan badan dalam posisi duduk dengan memberi tekanan kepada tangan dan bahu pada bahan sokongan.	2	Menunjuk cara posisi duduk, pergerakan mendayung, tekan tubi dan menyulur ke hadapan dengan bimbingan.
	2.1.2 Melakukan pergerakan mendayung.	3	Menunjuk cara posisi duduk, pergerakan mendayung, tekan tubi dan menyulur ke hadapan.
	2.1.3 Melakukan tekan tubi mudah.	4	Mempraktikkan posisi duduk, pergerakan mendayung, tekan tubi dan menyulur ke hadapan dengan betul.
	2.1.4 Melakukan pergerakan menyulur ke hadapan dengan menggunakan tangan dan siku.	5	Mempaktikkan posisi duduk, pergerakan mendayung, tekan tubi dan menyulur ke hadapan dengan betul dan selamat.
	2.1.5 Melakukan gabungan beberapa pergerakan dalam aktiviti pergerakan kreatif.	6	Menggabungkan idea dan mencipta pergerakan motor kasar dalam aktiviti pergerakan dengan betul, selamat, kreatif dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.2 Imbangan	<p>Murid boleh:</p> <p>2.2.1 Berdiri dengan tangan di pinggang sambil menjunjung objek</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Dua belah kaki ii) Sebelah kaki <p>2.2.2 Berjalan di atas bangku panjang sambil menjunjung objek.</p> <p>2.2.3 Melakukan gabungan beberapa pergerakan dalam permainan kecil.</p>	1	Berdiri dengan dua belah kaki dan sebelah kaki di atas bangku panjang sambil menjunjung objek dengan bimbingan.
		2	Berjalan di atas bangku panjang sambil menjunjung objek dengan betul.
		3	Berjalan di atas bangku panjang sambil tangan di pinggang dan menjunjung objek dengan bimbingan.
		4	Berjalan di atas bangku panjang sambil tangan di pinggan dan menjunjung objek.
		5	Menggabungkan pergerakan mengimbang dalam permainan kecil dengan betul.
		6	Menggabungkan pergerakan dalam permainan kecil dengan betul dan kreatif serta boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.3 Pergerakan badan	<p>Murid boleh:</p> <p>2.3.1 Melakukan pergerakan bahagian tangan dan kaki:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) berjalan ii) berlari iii) melompat iv) mencongklang v) membaling vi) menyambut vii) menghayun viii) menepuk <p>2.3.2 Melakukan gabungan beberapa pergerakan menggunakan alatan.</p> <p>2.3.3 Melakukan gabungan beberapa pergerakan dalam permainan kecil atau pergerakan kreatif.</p>	1	Menunjukkan cara melakukan pergerakan berjalan, berlari, melompat, mencongklang, membaling, menyambut, menghayun dan menepuk dengan bimbingan.
		2	Menunjukkan cara melakukan pergerakan berjalan, berlari, melompat, mencongklang, membaling, menyambut, menghayun dan menepuk.
		3	Menunjukkan cara melakukan pergerakan berjalan, berlari, melompat, mencongklang, membaling, menyambut, menghayun dan menepuk dengan betul.
		4	Menunjukkan cara melakukan pergerakan motor kasar menggunakan alatan dalam permainan kecil atau pergerakan kreatif dengan dengan betul.
		5	Menunjukkan cara melakukan pergerakan motor kasar menggunakan alatan dalam permainan kecil atau pergerakan kreatif dengan betul dan selamat.
		6	Menunjukkan cara melakukan pergerakan motor kasar menggunakan alatan dalam permainan kecil atau pergerakan kreatif dengan betul, selamat, kreatif dan boleh dicontohi.

3.0 MOTOR HALUS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3.1 Kemahiran bilateral	<p>Murid boleh:</p> <p>3.1.1 Melakukan pergerakan dengan kedua-dua belah tangan dalam aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) melipat ii) menggulung iii) mengikat iv) memunjut v) merenyuk vi) menggumpal <p>3.1.2 Merekacipta kraf dengan menggabungkan beberapa pergerakan.</p>	1	Membuat pergerakan melipat, menggulung, mengikat, memunjut, merenyuk dan menggumpal dengan bimbingan.
		2	Membezakan pergerakan melipat, menggulung, mengikat, memunjut, merenyuk dan menggumpal.
		3	Menunjukkan sekurang-kurangnya dua gabungan pergerakan melipat, menggulung, mengikat, memunjut, merenyuk dan menggumpal dengan bimbingan.
		4	Menunjukkan sekurang-kurangnya dua gabungan pergerakan melipat, menggulung, mengikat, memunjut, merenyuk dan menggumpal.
		5	Mengaplikasikan beberapa gabungan pergerakan untuk menghasilkan kraf tangan dan gubahan kreatif.
		6	Mengaplikasikan beberapa gabungan pergerakan untuk menghasilkan kraf tangan dan gubahan kreatif dengan kemas dan boleh dicontohi.

Nota: Kemahiran bilateral - Kemahiran menggunakan kedua-dua belah tangan secara bersama-sama untuk sesuatu aktiviti.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3.2 Manipulasi alatan dan bahan	Murid boleh:	1	Mengenal pasti pergerakan menggunakan alatan dan bahan dengan bimbingan.
	3.2.1 Melakukan pergerakan menggunakan alatan dan bahan untuk : i) menyenduk ii) menyudu iii) mencucuk iv) mencedok v) memotong vi) memutar vii) menyepit viii) menyapu	2	Membezakan pergerakan menggunakan alatan dan bahan.
	3.2.2 Melakukan gabungan beberapa pergerakan menggunakan alatan dan bahan semasa makan.	3	Mempraktikkan sekurang-kurangnya dua gabungan pergerakan semasa makan dan menguruskan pakaian dengan bimbingan.
	3.2.3 Melakukan pergerakan : i) menyangkut ii) menyepit iii) menggosok	4	Melakukan gabungan pergerakan semasa makan dan mengurus pakaian mengikut kesesuaian bahan dan alatan dengan betul.
	3.2.4 Melakukan gabungan pergerakan semasa menguruskan pakaian.	5	Melakukan gabungan pergerakan semasa makan dan mengurus pakaian mengikut kesesuaian bahan dan alatan dengan betul, selamat dan sistematis.
		6	Melakukan gabungan pergerakan semasa makan dan mengurus pakaian mengikut kesesuaian bahan dan alatan dengan betul, selamat, sistematis dan boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3.3 Kemahiran Visual – Motor	<p>Murid boleh:</p> <p>3.3.1 Membentuk bayang haiwan dengan memanipulasi jari tangan.</p> <p>3.3.2 Menghasilkan bayang-bayang bergerak dengan memanipulasi jari tangan.</p> <p>3.3.3 Melukis gambar berpandukan grid bertitik.</p> <p>3.3.4 Melukis gambar atau objek yang dilihat.</p>	1	Membuat bayang-bayang dengan bimbingan.
		2	Menunjukkan cara membuat bayang-bayang.
		3	Membuat bayang-bayang bergerak dengan bimbingan.
		4	Membuat bayang-bayang bergerak dengan betul.
		5	Menunjukkan gabungan beberapa pergerakan bayang-bayang haiwan dengan betul dan kreatif.
		6	Menunjukkan gabungan pergerakan bayang-bayang haiwan dengan betul, kreatif dan boleh dicontohi.

PANEL PENGGUBAL

1.	Paizah binti Zakaria	Bahagian Pembangunan Kurikulum
2.	Haris bin Yusof	Bahagian Pembangunan Kurikulum
3.	Wan Maziani binti Wan Muhamad	Bahagian Pembangunan Kurikulum
4.	Kamarul Bahrin bin Mohd Radzi	IPG Kampus Ipoh, Ipoh, Perak
5.	Milatu Samsi bin Hayon	IPG Kampus Ipoh, Ipoh, Perak
6.	Nurultiah binti Gudin	SK Putrajaya Presint 9(2), Presint 9, Putrajaya
7.	Aishah bt Abdul Rahman	SK (P) Bukit Kuda, Klang, Selangor
8.	Siti Wan Nor binti Abdul Rashid	SK Taman Klang Jaya, Klang, Selangor
9.	Nor Len binti Sudar	SK Klang Utama, Klang, Selangor
10.	Siti Azlizah binti Mohd Rehat	SK Bukit Raya, Hulu Langat, Selangor
11.	Ilyana Sari binti Ridzwan	SK Jalan U3, Subang Perdana, Selangor
12.	Rostina@Lydia binti Emping	SK Jalan U3, Subang Perdana, Selangor
13	Intan Rohani binti Yusuf @ Yusof	SJKT Bandar Springhill, Port Dickson, Negeri Sembilan
14.	Faizah binti Nawawi	SK Desa Cempaka, Nilai, Negeri Sembilan

PENGHARGAAN

Penasihat

Shazali bin Ahmad	- Pengarah
Datin Dr. Ng Soo Boon	- Timbalan Pengarah (STEM)
Dr. Mohamed bin Abu Bakar	- Timbalan Pengarah (Kemanusiaan)

Penasihat Editorial

Mohamed Zaki bin Abd. Ghani	- Ketua Sektor
Haji Naza Idris bin Saadon	- Ketua Sektor
Mahyudin bin Ahmad	- Ketua Sektor
Dr. Rusilawati binti Othman	- Ketua Sektor
Mohd Faudzan bin Hamzah	- Ketua Sektor
Fazlinah binti Said	- Ketua Sektor
Mohamed Salim bin Taufix Rashidi	- Ketua Sektor
Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus	- Ketua Sektor
Paizah binti Zakaria	- Ketua Sektor
Hajah Norashikin binti Hashim	- Ketua Sektor

Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi

Saripah Faridah binti Syed Khalid
Nur Fadia binti Mohamed Radzuan
Mohamad Zaiful bin Zainal Abidin

Perekar Grafik

Siti Zulikha binti Zelkepli

ISBN 978-967-420-370-2



9 789674 203702

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya.

Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>